

# Dana 1MDB diseleweng sejak 2009

Oleh **MOHD. FADHLI**  
**MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pegawai penyiasat skandal dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini, semalam bahawa dana syarikat pelaburan itu diseleweng sejak 2009.

Namun, tiada aduan dibuat oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak atau pihak pengurusan 1MDB kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), untuk menyiasat perkara tersebut.

Oleh itu, Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin memberitahu, tiada tindakan undang-undang diambil ke atas ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau nama sebenarnya, Low Taek Jho dan pihak-pihak berkaitan.

"Dana 1MDB telah dilencongkan sejak 2009. Tiada sebarang tindakan undang-undang diambil atas Jho Low atau mana-mana pihak.



**NAJIB Tun Razak ketika hadir bagi sambung bicara kes penyelewengan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/SYAKIR RADIN**

"Tiada sebarang aduan dibuat oleh Najib atau pihak pengurusan 1MDB kepada pihak berkuasa iaitu SPRM dan PDRM.

"Najib tidak pernah mengarahkan mana-mana anggota pengurusan 1MDB menjarakkan diri daripada Jho Low," kata saksi pendakwaan ke-49 itu pada per-

bicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.

Kata pegawai penyiasat itu, selepas siasatan secara keseluruhan, SPRM mendapati Jho Low bersama keluarga Najib pernah bercuti bersama-sama di atas kapal layar RM Elegance di perairan selatan Perancis pada 2009.

"Ini termasuk percutian di atas kapal layar Golden Odyssey di perairan Greece dan Itali pada 2010 yang diuruskan oleh Jho Low dan kapal layar Topaz di perairan selatan Perancis pada 2013 yang turut disertai Putera Mahkota UAE, Sheikh Mansour Zayed Al Nahyan dan Moha-

med Badawy Al-Husseiny yang diurus Jho Low dan Tan Kim Loong," katanya.

Selain itu, kata Nur Aida, Jho Low juga didapati mengatur perjumpaan Najib dan 'Prince Turki' dan Ketua Pegawai Eksekutif PetroSaudi International Ltd., Tarek Obaid.

"Selain itu, walaupun Jho Low tidak dilantik secara sah dalam mana-mana jawatan dalam kerajaan termasuk 1MDB, namun individu itu memainkan peranan aktif dalam mencatur pengoperasian syarikat terbabit," katanya.

Nur Aida juga memberitahu, walaupun bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Husni Hanadzlah yang bertanggungjawab dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), beliau pernah diarah Najib supaya tidak terlibat dan campur tangan dalam urusan dan keputusan pelaburan 1MDB.

"Najib sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Pengerusi Ahli Lembaga Penganalisis (BOD) 1MDB mempunyai akauntabiliti dalam setiap tindakan beliau lakukan," katanya.